



BERSIH SELAMAT & HARMONI

BULETIN MDP

EDISI JUL-DIS 2024

#PERSONAPENDANG

KEDAH INTERNATIONAL POWERBOAT RACE 2024

Experience
KEDAH



MENARIK DIDALAM

- SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT DAERAH PENDANG 2024
- LAWATAN YTM TUNKU TEMENGGONG KEDAH KE PPS DEWAN MARBAWI
- KEMPEN PENGURUSAN ANJING TERBIAR TAHUN 2024
- SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA 2024
- KEDAH INTERNATIONAL POWERBOAT RACE 2024



www.mdpendang.gov.my

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT :

En. Nasrun Bin Dato’ Mohd Sheriff
AMK., BCK.

KETUA PENYELARAS :

Pn. Norfazni Binti Mustaffa, BCK.

KETUA PENGARANG :

En.Radzie Iszuan Bin Jamadi

PENGARANG :

Pn.Norwani binti Ahmad
En.Muhammad Fashwan bin
Fathullah Suhaimi
Pn.Fatimah binti Ahmad
En.Khairul Azhar bin Mohd Rozi
En.Mohd Badrul Hafiz bin Nasri
En.Muhammad 'Adnin bin Subri
Pn.Siti Sarah Najwa binti Sahid
Abdullah
Cik Nur A’na Afifah binti Abd Latif
Pn. Nur Nasuha binti Khairul Anwar

GRAFIK :

En. Zahrul Anwar bin Zakaria

JURUFOTO :

En. Md Shamsul bin Awang

Buletin Majlis Daerah Pendang diterbitkan dua kali setahun oleh Unit Komunikasi Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan Majlis Daerah Pendang. Naskah yang diedarkan adalah PERCUMA. Pihak MDP amat mengalu-alukan cadangan dan sumbangan idea berupa artikel atau komen daripada pelbagai pihak. Cetusan kreatif dan bermakna boleh diemelkan kepada, admin@mdpendang.gov.my

HAK CIPTA TERPELIHARA
Penerbitan ini tidak boleh dicetak atau disiarkan dalam apa jua cara seperti fotokopi, elektronik, rakaman, atau lain-lain yang berkaitan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Majlis Daerah Pendang.

HUBUNGI KAMI :
Majlis Daerah Pendang, Wisma MDP
06700 Pendang Kedah Darul Aman
MALAYSIA
o4-7596077
04-7596709
aduan@mdpendang.gov.my

ISI KANDUNGAN

KURSUS <i>HANDS-ON</i> e-PBT PEMERIKSAAN ASET ALIH MDP (<i>Mukasurat 3</i>)
KURSUS PEMANTAPAN SISTEM DDMS 2.0 (<i>Mukasurat 4</i>)
LAWATAN <i>BENCHMARK</i> MDP KE MAJLIS DAERAH BATU GAJAH (<i>Mukasurat 5</i>)
KEMPEN PENGURUSAN ANJING TERBIAR TAHUN 2024 (<i>Mukasurat 6</i>)
PROGRAM SEMARAK MERDEKA (<i>Mukasurat 7</i>)
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT DAERAH PENDANG 2024 (<i>Mukasurat 8</i>)
KEBERANGKATAN YANG TERAMAT MULIA TUNKU TEMENGGONG KEDAH KE PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA DI SMK PENDANG (<i>Mukasurat 9</i>)
KURSUS PENGURUSAN RISIKO & KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA (<i>Mukasurat 10</i>)
HARI CUCI MALAYSIA 2024 DI MASJID AL FALAH SUNGAI TIANG BERSEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2024 (<i>Mukasurat 11</i>)
HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT DAERAH PENDANG (<i>Mukasurat 12</i>)
LAWATAN KERJA EXCO PELANCONGAN KE DAERAH PENDANG (<i>Mukasurat 13</i>)
PROGRAM GOTONG ROYONG PERDANA MDP 2024 (<i>Mukasurat 14</i>)
KEDAH INTERNATIONAL POWERBOAT RACE 2024 (<i>Mukasurat 15</i>)
GOTONG ROYONG PERDANA DUN SG TIANG DI RIMBA REKREASI SG RAMBAI BUKIT PERAK (<i>Mukasurat 16</i>)
GOTONG ROYONG PERDANA DUN TOKAI PERINGKAT DAERAH PENDANG (<i>Mukasurat 17</i>)
PERBARISAN HARI KEBANGSAAN KE-67 PERINGKAT NEGERI KEDAH (<i>Mukasurat 18</i>)
TAHNNIAH MDP (<i>Mukasurat 19</i>)
MAJLIS PERSARAAN & ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023 (<i>Mukasurat 20</i>)
PEMENANG PERADUAN MEDIA SOSIAL MDP JULAI-DISEMBER 2024 (<i>Mukasurat 21</i>)



23 07 2024 KURSUS HANDS ON EPBT - PEMERIKSAAN ASET ALIH



Bertempat Di Dewan Seri Pendang, Majlis Daerah Pendang, satu kursus berkaitan pemeriksaan aset alih secara *hands-on* melalui sistem ePBT telah diadakan dibawah kendalian Bahagian Teknologi Maklumat MDP. Kursus yang disampaikan oleh Puan Nur Hidayah Bt Riduan itu melibatkan kakitangan MDP pelbagai jawatan bertujuan memberikan pemahaman yang lebih mendalam berkaitan tata urus aset alih yang terdapat di MDP.



Kursus Pemantapan Sistem DDMS 2.0



Jabatan Khidmat Pengurusan MDP telah mengadakan kursus pemantapan Sistem DDMS 2.0 yang telah dihadiri oleh 25 orang kakitangan MDP. Objektifnya adalah untuk memastikan pengguna yang terdiri dari staff MDP menggunakan sepenuhnya sistem DDMS dalam urusan dokumentasi dalam talian. Seramai 25 orang kakitangan terdiri daripada pelbagai perjawatan telah menyertai kursus secara *in-house* ini bagi memastikan implimentasi kepada pengurangan penggunaan kertas dapat dijayakan di MDP.

LAWATAN “BENCHMARK” MDP *Ke* MAJLIS DAERAH BATU GAJAH



15 08 2024

Sebagai persiapan untuk melaksanakan sistem pembayaran tanpa tunai dan pembayaran dalam talian secara berpusat bermula tahun 2025, seramai 11 kakitangan MDP telah melakukan kunjungan ke Majlis Daerah Batu Gajah untuk “berguru” cara-cara pelaksanaan sistem yang berkaitan.

Lawatan yang diketuai oleh Puan Siti Nur Hananie Bt Sukarno, Akauntan MDP tersebut telah secara langsung dapat mempelajari perihal sistem yang melibatkan transaksi tanpa tunai & juga yang berkaitan dengan PBTpay. Terima kasih kepada MDBG atas perkongsian ilmu yang diberikan.

19 07 2024

KEMPEN PENGURUSAN ANJING TERBIAR TAHUN 2024

Majlis Daerah Pendang dengan kerjasama Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Pendang telah mengadakan kempen Pengurusan Anjing Terbiar tahun 2024 bertempat di Pakmie Animal Shelter, Pendang. Kempen yang dihadiri oleh Pegawai Daerah Pendang, Yang Berusaha En. Nasrun Bin Dato' Mohd Sheriff itu bertujuan mengawal populasi anjing terbiar di Daerah Pendang. Ketua Jabatan Kesihatan Persekitaran Majlis Daerah Pendang, Puan Norsiah Bt Mahamud turut mengiringi beliau ke majlis tersebut.

Manakala pihak Jabatan Perkhidmatan veterina pula dihadiri sendiri oleh Dr. Akma Binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia serta Dr. Shaharul Akmar Bin Talib, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah.



pengindahan

BERSIH
INDAH &
HARMONI



ANDA BOLEH
MENGUBAHNYA



fokus

TERUSKAN
BERINSPIRASI

KERJASAMA



MUAFAKAT

27.08.2024
PROGRAM SEMARAK
MERDEKA
&
GOTONG ROYONG
PENGINDAHAN BANDAR



USAHA

kebersihan
tanggungjawab
bersama



integriti

harmoni



*cleanliness is
a habit*

INDAH



PROGRAM SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT DAERAH PENDANG 2024

07hb Sept 2024

Seawal jam 7pagi lagi, orang ramai mula memenuhi perkarangan Stadium Mini Pendang bagi menyaksikan perarakan daripada pelbagai agensi, NGO serta kelab dan persatuan dalam daerah Pendang bersempena Sambutan Hari Kebangsaan yang ke-67.

Perarakan yang bermula jam 830pagi itu telah di hadiri oleh Yang Berusaha Pegawai Daerah Pendang , En. Nasrun Bin Dato' Mohd Sheriff, selaku tetamu utama serta ketua-ketua jabatan & agensi di daerah Pendang. Turut di hadir ke sambutan tersebut adalah Ahli Parlimen Pendang, Yang Berhormat Datuk Haji Awang Solahuddin Bin Hashim, Adun Sungai Tiang, Yang Berhormat Abdul Razak Khamis serta ADUN Tokai, Yang Berhormat Dato' Dr. Mohd Hayati Bin Othman

Hampir 45 kontinjen menyertai perarakan kali ini dengan bertemakan sambutan Hari Malaysia, termasuklah konvoi bermotosikal serta lintas hormat oleh pemandu luncur layar (paragliding) yang membawa bendera Malaysia dan bendera negeri Kedah. Disamping perarakan yang meriah & penuh warna warni itu serta aksi pertunjukan silat, diadakan juga pelbagai pameran oleh agensi-agensi kerajaan seperti ATM, PDRM, APM yang mempamerkan pelbagai jentera menarik kepada para pengunjung,



KEBERANGKATAN YANG TERAMAT MULIA TUNKU TEMENGGONG KEDAH KE PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA DI SMK PENDANG

22 09 2024

Yang Teramat Mulia (YTM) Dato' Seri Diraja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Almarhum Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Tunku Temenggong Kedah telah mencemar duli menyantuni mangsa-mangsa banjir yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara, SMK Pendang.

Keberangkatan beliau yang juga Pengerusi Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) Kebangsaan adalah untuk meninjau dan memberikan sumbangan kepada keluarga yang terjejas dengan bencana banjir. Pegawai Daerah Pendang, En. Nasrun Bin Dato' Mohd Sheriff menyambut ketibaan Yang Teramat Mulia di Dewan Al-Marbawi bersama-sama pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Pendang, Pegawai Angkatan Pertahanan Awam Pendang serta pegawai dari agensi bantuan yang lain seperti PDRM, PPD serta sukarelawan Bulan Sabit Merah.

Kehadiran beliau secara langsung telah menyuntik moral keluarga yang ditempatkan disitu selain beliau turut memberikan sumbangan makanan dan keperluan kepada mereka yang terjejas.



24.09.2024

KURSUS PENGURUSAN RISIKO & KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA

Bertempat di Bilik Gerakan Seri Pendang, satu kursus berkaitan pengurusan keselamatan di tempat kerja telah diadakan oleh Bahagian Sumber Manusia, Majlis Daerah Pendang. Kursus sehari itu telah disampaikan oleh Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH) wilayah Utara.

Kursus itu bertujuan meningkatkan kesedaran kepada kakitangan MDP berkaitan aspek menangani risiko dan pengurusan keselamatan semasa berada di tempat kerja.

Kursus yang disampaikan oleh fasilitator jemputan yang sememangnya arif dalam bidang kesihatan & keselamatan pekerjaan.



27-29.09. 2024

HARI CUCI MALAYSIA 2024 DI MASJID AL FALAH SUNGAI TIANG BERSEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2024

Pendang telah dipilih sebagai daerah ke 4 bagi pelaksanaan program Hari Alam Sekitar peringkat negeri Kedah tahun 2024.

Bertempat di perkarangan masjid Al-Falah, Felda Sg. Tiang, program selama dua hari itu dipenuhi dengan pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan aktiviti berkaitan pembersihan yang bersesuaian dengan sambutan tahun ini.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh YB. Tuan Haji Mohamad Yusoff bin Zakaria, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Sumber Asli, Bekalan Air, Sumber Air dan Alam Sekitar). Turut hadir ke program tersebut ialah Pegawai Daerah Pendang, En. Nasrun Bin Dato' Mohd Sheriff, penyelaras DUN Sg. Tiang, YB Abdul Razak Khamis serta Ahli Majlis, Majlis Daerah Pendang.

Program yang julung kali diadakan itu telah mencapai objektifnya dengan pengisian program kemasyarakatan yang menarik dan juga pameran oleh agensi yang berkaitan.



HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT DAERAH PENDANG

12.10.2024 I SABTU



Setiap tahun, sambutan Hari Sukan Negara yang diadakan dipelusuk negara pastinya meriah dan mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada masyarakat setempat.

Pada kali ini, dengan Bertemakan “Cergas Bersama”, pelbagai acara yang melibatkan sukan & kecergasan telah berlangsung pada 12.10.2025 di Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah. Program ini telah berjaya menarik hampir seribu penyertaan dari pelbagai peringkat umur dan masyarakat di daerah Pendang.

Bermula seawal jam 7pagi, program yang diadakan oleh Pejabat Belia dan Sukan Daerah Pendang dengan kerjasama Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah serta agensi dalam daerah pendang dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya senamrobik, larian 3km dan 5km, sepak penalti, bola jaring, sepakraga tuju, boling padang, memanah, congkak, dam aji, pertandingan mewarna, kempen derma darah serta pertandingan aerobaton yang dijalankan selama dua jam tanpa henti.

Program ini telah dirasmikan oleh Pegawai Daerah Pendang dan juga merupakan Yang DiPertua Majlis Daerah Pendang, En. Nasrun Bin Dato' Mohd Sheriff bersama-sama pegawai dari agensi yang lain turut hadir memeriahkan program sehari itu.





LAWATAN KERJA EXCO PELANCONGAN KE DAERAH PENDANG #PESONAPENDANG

Bersempena Tahun Melawat Kedah 2025 yang bakal menjelma, Exco Pelancongan, Kebudayaan dan Keusahawan Negeri Kedah, Dato' Haji Mohd Salleh Saidin telah membuat satu lawatan kerja ke daerah Pendang pada 12.11.2024 lalu. Kunjungan tersebut adalah bertujuan meninjau beberapa lokasi menarik di sekitar daerah Pendang bagi memastikan tempat-tempat tersebut berpotensi untuk dilawati dan boleh menarik minat pelancong ke daerah ini.

Lawatan beliau telah disambut oleh Pegawai Daerah Pendang, En. Nasrun Bin Dato' Mohd Sheriff merangkap YPD, Majlis Daerah Pendang serta pegawai-pegawai pentadbiran Daerah Pendang. Usai sesi taklimat di Pejabat Daerah Pendang, beliau dan pegawai pengiring dari Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Kedah telah berkesempatan melawat beberapa lokasi pelancongan seperti Tasik Pendang & Waterfront, mural Pendang, Telaga Gajah, Wisma 1Minute Miracle Sdn. Bhd. dan Perkampungan Adat Melayu Seri Banian.

Sebelum mengakhiri lawatan tersebut, beliau telah dibawa ke kilang pengeluaran makanan Mudim Zakaria Food Industry Sdn. Bhd.



TASIK
PENDANG



17 II 2024 PROGRAM GOTONG ROYONG PERDANA MDP 2024



Satu program gotong royong Perdana anjuran Majlis Daerah pendang telah diadakan pada Ahad, 17hb November 2024 lalu. Program anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat MDP itu telah diadakan di persekitaran tasik Pendang & berjaya mengumpulkan sejumlah sampah disekitar kawasan berkenaan. Program itu juga merupakan persediaan daerah Pendang untuk Tahun Melawat Kedah 2025 yang bakal tiba. Program tersebut dihadiri oleh Yang DiPertua MDP, En. Nasrun Bin Dato' Mohd Sheriff dan dirasmikan oleh YB. Mejar (B) Mansor Bin Zakaria, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kesihatan) . Hadir sama ialah Setiausaha MDP, Puan Norfazni binti Mustafa dan juga Ahli Majlis MDP, merangkap ketua whip, En. Saiful Syazwan Bin Syafie. Objektif program tersebut adalah untuk memastikan kawasan tumpuan pengunjung bersih dan sentiasa terjaga.





KEDAH INTERNATIONAL POWERBOAT RACE 2024

14 & 15 DIS 2024

Selama dua hari berturut-turut, tasik Pendang telah "dikejutkan" dengan deruman enjin bot-bot kawalan jauh yang menerjah permukaan air. Bertempat di Pendang Waterfront, kejohanan yang julungkali diadakan bersempena Tahun Melawat Kedah ini telah berjaya mengumpulkan hampir 200 buah bot kawalan jauh pelbagai kategori.

Uniknya, pertandingan ini adalah pertama kali diadakan di utara semenanjung Malaysia dengan disertai oleh peserta dari beberapa negara termasuklah Vietnam dan Thailand.

Kemeriahan sepanjang dua hari kejohanan dapat disaksikan oleh pengunjung atas usahasama Tourism Kedah dengan Pentadbiran Daerah Pendang bagi merealisasikan "Experience Kedah" menjelang Tahun Melawat Kedah 2025 nanti.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pegawai Daerah Pendang, En. Nasrun Bin Dato' Mohd Sheriff merangkap YDP Majlis Daerah Pendang. Turut hadir memeriahkan kejohanan tersebut ialah Pengurus Besar Tourism Kedah, En. Azlizam bin Jaafar Sidik, ADUN Tokai, YB. Dato' Dr. Mohd Hayati Bin Othman, Ketua Polis Daerah Pendang, Supt. Rodzi bin Abu Hassan .

Yang Pastinya, acara in bakal menjadi salah satu acara menarik dalam kalendar pelancongan kedah sempena TMK 2025 tahun hadapan. #personapendang #experiencekedah





Bersempena Tahun Melawat Kedah 2025, satu gotong-royong perdana telah diadakan di kawasan air terjun Rimba Rekreasi Sungai Rambai (Bukit Perak).Program yang melibatkan penyertaan pelbagai agensi dan anggota masyarakat sekitar Dun Sungai Tiang itu telah berjalan dengan jayanya dengan kehadiran Pegawai Daerah Pendang, En. Nasrun Bin Dato' Mohd Sheriff yang turut sama terlibat dalam aktiviti pengindahan & baik pulih kawasan peranginan tersebut.

Turut hadir menyertai gotong-royong tersebut ialah Ahli Parlimen Pendang YB Datuk Haji Awang bin Hashim , ADUN Sungai Tiang, YB Abdul Razak Khamis dan Ketua Polis Daerah Pendang.

Signifikannya, program ini merupakan salah satu persediaan Pendang untuk menjadikan lokasi ini sebagai salah satu tempat tumpuan pelancong apabila tibanya Tahun Melawat Kedah 2025 nanti. #experiencekedah #TMK2025

19.12.2024

GOTONG ROYONG PERDANA DUN SG TIANG DI RIMBA REKREASI SG RAMBAI BUKIT PERAK



PENGINDAHAN & PEMBERSIHAN KAWASAN



PEMBAIKAN TEBING KOLAM TADAHAN



GOTONG ROYONG PERDANA DUN TOKAI PERINGKAT DAERAH PENDANG #PESONAPENDANG

Pada 19.12.2024 lalu, satu program gotong-royong perdana bersempena persiapan menyambut Tahun Malawat Kedah 2025 telah diadakan di Telaga Gajah, Pendang. Program bermula dengan ucapan Ahli Parlimen Pendang, YB Datuk Haji Awang bin Hashim itu melibatkan hampir semua kawasan tarikan pelancong disekitar Pekan Pendang dengan disertai pelbagai agensi dan masyarakat.

Turut hadir memeriahkan program tersebut ialah ADUN Tokai, YB. Dato' Dr. Mohd Hayati Bin Othman dan En. Nasrun Bin Dato' Mohd Sheriff, Pegawai Daerah Pendang. Selain bertujuan mengindahkan kawasan pekan Pendang, program ini juga adalah sebagai persediaan daerah Pendang dalam memastikan daerah ini sentiasa bersih untuk dikunjungi oleh pelancong pada tahun 2025.

Antara aktiviti yang dilakukan pada program tersebut adalah seperti pembersihan kawasan, mengecat bangunan dan mengindahkan kawasan tumpuan orang ramai.

#EXPERIENCEKEDAH #TAHUNMELAWATKEDAH

Perbarisan HARI KEBANGSAAN KE-67 PERINGKAT NEGERI KEDAH



31.08.2024

Majlis Daerah Pendang sekali lagi menerima anugerah selaku naib johan kategori agensi kerajaan & badan berkanun bersempena sambutan Hari Kebangsaan yang ke-67 peringkat negeri Kedah yang diadakan pada 31.08.2024 lalu. Kontinjen yang diketuai oleh Penolong Pegawai Penguatkuasa En. Masril Safizam Bin Md Saad beserta 33 orang kakitangan MDP telah mengharumkan nama Majlis Daerah Pendang dengan mengenakan busana batik korporat berwarna biru hijau. Lebih manis lagi apabila anugerah itu diterima sendiri oleh Yang DiPertua Majlis Daerah Pendang merangkap Pegawai Daerah Pendang, En. Nasrun Bin Dato' Mohd Sheriff. Penganugerahan itu disampaikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah dan berlangsung dengan meriahnya dihadapan Masjid Zahir, Alor Setar.



TAHNIJAH MDP



01 10 2024 Penganugerahan Bandar Mampan
MURNINETS 2.0



27 11 2024 Penganugerahan
Sijil Pematuhan SAGA



31 08 2024 Perbarisan Hari kebangsaan
Peringkat Negeri Kedah

MAJLIS PERSARAAN & ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MDP 2023

Tahniah & Selamat Maju Jaya



14 NOV 2024

Fahriah



JULAI



OGOS



SEPTEMBER



OKTOBER



NOVEMBER



DISEMBER



**KEPADA PARA PEMENANG PERADUAN DI
MEDIA SOSIAL ANJURAN MDP BAGI
BULAN JULAI - DISEMBER 2024**



MOHON
SEKARANG !



PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (PPKB)

1. PROGRAM BAIK
PULIH RUMAH (PBPR)

2. PROGRAM BINA BAHARU
RUMAH BANDAR (PBRR)

BORANG PERMOHONAN BOLEH DIDAPATI DI :
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT, MAJLIS DAERAH PENDANG.

DIBUKA SEPANJANG TAHUN

Butiran lanjut berkaitan kriteria kelayakan sila layari : www.mdpendang.gov.my | Pertanyaan lanjut hubungi : 04-7596077

Semak Dan Bayar Cukai Taksiran, Kompaun & Sewa Premis Anda Melalui **PBTPay**

Gunakan **PBTPay** untuk membuat semakan dan bayaran cukai taksiran, kompaun & sewa premis anda. Pembayaran kini lebih cepat, mudah dan boleh dilakukan di mana-mana sahaja.

f majlisdaerahpendang

@ majlisdaerahpendang

www.mdpendang.gov.my

aduan@mdpendang.gov.my

PBTPay

SEMAK & BAYAR

- ✓ Cukai Taksiran
- ✓ Kompaun
- ✓ Sewa Premis



SCAN ME

GET IT ON
Google Play

Download on the
App Store



3 LANGKAH
MUDAH

DAFTAR

Daftar menggunakan MyKad

PILIH

Pilih PBT, kemudian pilih
Cukai Taksiran, Kompaun atau Sewa

BAYAR

FPX, Visa Mastercard & eDompot



KPKT

KINI PERMOHONAN DAN PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN SECARA DALAM TALIAN DI PBT

Sila layari elesen.kpkt.gov.my

eLesenPBT



MAJLIS DAERAH PENDANG

MAKLUMAN

SEMUA TRANSAKSI PEMBAYARAN DI MAJLIS
DAERAH PENDANG MENGGUNAKAN TRANSAKSI
TANPA TUNAI **"CASHLESS"** BERMULA :

1 JANUARI 2025



PayNet
PAYMENTS NETWORK HOLDINGS
**KEDAH
CASHLESS**

04 7596077



MAJLIS DAERAH PENDANG



aduan@mdpendang.gov.my

Water Front
61km



Bukit Penak
25km



Titi Dua Lapis
10km



PESONA PENDANG

pakat tala mai !!!

Kg. Adat Melayu
Seni Banian
20km



Tasik Pendang
10km



Tobian Gold
14km

